

TARIKH: 25/8/23
SURAT KHABAR: Sinar Harian
MUKA SURAT: 25

8 waris pesawat terhempas layak terima FOT

*Sinar Harian
Jumaat 25/08/23
Negeri
M15.25*

KUALA SELANGOR - Lapan waris mangsa pesawat terhempas di Persiaran Elmina, Shah Alam, Khamis lalu, akan menerima faedah bulanan daripada Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) seawal bulan depan.

Pengarah Perkeso Selangor, Ismail Abi Hashim berkata, pampasan itu melibatkan bayaran Faedah Orang Tanggungan (FOT) secara bulanan dan berkala kepada semua waris terlibat.

Menurut Ismail, semua kes itu sudah didaftarkan di Pejabat Perkeso negeri di Petaling Jaya manakala proses pengurusan dokumen lima daripada waris penerima faedah itu akan diuruskan pejabat Cawangan Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya.

"Bagi tiga waris lain, urusan itu diserahkan kepada pejabat cawangan Manjung (Perak), Sungai Petani (Kedah) dan Seremban (Negeri Sembilan) yang semuanya dijangka menerima faedah bulanan pada September ini," katanya ketika ditemui di pejabat Perkeso Tanjong Karang di sini pada Khamis.

Ismail menjelaskan, Perkeso sudah selesai membuat bayaran faedah pengurusan mayat (FPM) kepada lapan waris mangsa.

Bagaimanapun, katanya, jumlah pampasan FOT kepada setiap waris belum ditentukan setakat ini kerana me-



ISMAIL

libatkan amaun berbeza.

"Penerima faedah ini membabitkan balu dan anak-anak berusia 21 tahun manakala mangsa bujang diberikan kepada ibu bapa," jelasnya.

Terdahulu, media pada Ahad lalu melaporkan lapan daripada 10 keluarga mangsa nahas pesawat Beechcraft Model 390 (Premier 1) layak menerima pampasan Perkeso.

Menteri Sumber Manusia, V Sivakumar memaklumkan

semua keluarga mangsa mempunyai kelayakan mengikut Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 (Akta 4) dan Akta Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri 2017 (Akta 789).

Menerusi skim diperuntukkan dalam akta itu, waris layak menerima bayaran FPM sehingga RM2,000 dan bayaran faedah pencen berkala.

Tragedi pada 17 Ogos lalu mengakibatkan 10 mangsa terkorban termasuk Exco Kerajaan Tempatan, Perumahan, Alam Sekitar dan Teknologi Hijau Pahang, Datuk Seri Johari Harun.

Mangsa yang maut terdiri daripada lapan penumpang dan kru pesawat selain dua orang awam masing-masing penumpang p-hailing dan pemandu e-hailing.

Polis setakat ini mengklasifikasikan nahas itu sebagai mati mengejut selepas proses mengumpul sisa pesawat di lokasi kejadian selesai.